

1981

88

KUALA LUMPUR, 12 MAC (BERNAMA)— DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD YAKIN HUBUNGAN BAIK ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERAJAAN SARAWAK AKAN BERKEKALAN WALAUPUN BERLAKU PERUBAHAN DALAM PUCUK PIMPINAN DI NEGERI ITU.

PEMANGKU PERDANA MENTERI MENEGASKAN HUBUNGAN DENGAN KERAJAAN PUSAT DI BAWAH PIMPINAN DATUK AMAR HAJI TAIB MAHMUD TIDAK AKAN LEBIH BURUK DARIPADA PIMPINAN DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL RAHMAN YAKUB.

+TIDAK AKAN ADA SEBARANG MASALAH ATAU AKIBAT BURUK SAMA ADA KEPADA KERAJAAN PERSEKUTUAN ATAU SARAWAK JIKA DATUK AMAR TAIB DILANTIK MENJADI KETUA MENTERI KERANA IA MERUPAKAN PERUBAHAN DALAM PARTI. + DJARNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENGULAS LAPORAN SEBUAH AKHBAR TEMPATAN YANG MENYEBUT KEPUTUSAN DATUK PATINGGI RAHMAN HENDAK MENGOSONGKAN JAWATANNYA DAN DIGANTIKAN OLEH DATUK AMAR TAIB.

KATANYA, DATUK PATINGGI RAHMAN TELAH MEMBINCANGKAN DENGANNYA KEPUTUSAN DATUK MELETAKKAN JAWATAN KETUA MENTERI. +MUNGKIN PADA AKHIR BULAN INI. +

SAGAIMANAPUN, TIDAK ADA RANCANGAN UNTUK MELANTIK BELIAU SEBAGAI MENTERI PERSEKUTUAN SETAKAT INI. —BERSAMBUNG 1740/MK

B610

MAHATHIR-SARAWAK 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENYATAKAN +SEORANG ANAK SARAWAK+ AKAN DILANTIK MENJADI MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN UNTUK MENGAMBIL ALIH DARI DATUK AMAR TAIB.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KINI MEMANGKU JAWATAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN SEMENTARA MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN DATUK NOKHTAR NASHIM MEMANGKU JAWATAN MENTERI PERTAHANAN.

TINDALAN MENTERI KESIHATAN, DR. SULAIMAN HAJI DAUD, DISEBUT-SEBUT AKAN DILANTIK MENJADI MENTERI PENUH UNTUK MENGAMBIL ALIH PORTFOLIO WILAYAH PERSEKUTUAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, +MUNGKIN DR. SULAIMAN AKAN DILANTIK KE JAWATAN ITU SEPERTIMANA YANG DIRAMALKAN.

+DI NEGARA INI SESIAPA BEBAS MEMBUAT SPEKULASI MENGENAI SEBUT-SEBUT, JANI BUATLAH SPEKULASI SECARA BEBAS. +

BELIAU SAGAIMANAPUN, MENEGASKAN TIDAK ADA SEBARANG QUOTA MENGENAI JUMLAH PENIMPIN SARAWAK DALAM KABINET PERSEKUTUAN.

MENGULAS MENYATAAN DATUK PATINGGI RAHMAN BAHAWA KETIDAKSEFAHAMAN MENANG ADA ANTARA KERAJAAN PERSEKUTUAN DENGAN KERAJAAN NEGERI SARAWAK, DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN PERKARA ITU TIDAK BERLAKU.

TERKEMBANYA, PENGUMUMAN DATUK PATINGGI RAHMAN SEMALAM BAHAWA PERSEKUTUKU DI GEMERANJUNG MALAYSIA SECARA AUTOMATIS DIBENARKAN TITIKAL SELAMA SEBULAN DI SARAWAK ADALAH BUKTI NYATA TENTANG WUJUDNYA PERSEFAHAMAN ANTARA KEDUA-DUA PIHAK. —BERSAMBUNG 1745/MK

B611

MAHATHIR-SARAWAK 3 KUALA LUMPUR

PEMANGKU PERDANA MENTERI PERCAYA KEPUTUSAN DATUK PATINGGI RAHMAN UNTUK MELANTIK DATUK AMAR TAIB SEBAGAI PENGGANTINYA MENUNJUKKAN BAHAWA DATUK PATINGGI RAHMAN BERMINAT UNTUK BEKERJASAMA RAPAT DENGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN.

+ALASAN BELIAU IALAH SEKIRANYA BELIAU MENGUNDURKAN DIRI, BELIAU PERLU MEMILIH SEORANG TOKOH YANG MEMAHAMI KUALA LUMPUR, MUNGKIN TOKOH YANG PERNAH MENJADI MENTERI PERSEKUTUAN SEPERTI BELIAU SENDIRI. + TAMBAHNYA.

DATUK PATINGGI RAHMAN MENJADI MENTERI PELAJARAN SEBELUM DILANTIK SEBAGAI KETUA MENTERI SARAWAK. —BERNAMA 1747/MK.